

Sugul. Suasana di bilik berdinding putih itu teramat sugul. Hanya terdapat daun pintu berbingkai putih yang menghias bilik itu. Tiada tingkap untuk menjengah. Tiada cermin untuk menilik. Kesemuanya berwarna putih; dari siling turun ke lantai. Di tengah-tengahnya terdapat sebuah meja bulat yang rendah. Tiada majalah di atasnya. Tiada mekar bunga ros yang digunakan untuk menghidupkan bilik. Tiada juga akhbar yang melaporkan kejadian terkini.

Di satu sudut, kelihatan empat orang lelaki sedang duduk di atas sebuah bangku panjang. Lama mereka di situ. Menunggu. Seminit. Dua minit. Tiga minit merangkak lalu. Namun mereka masih menunggu. Menunggu dalam diam. Tiada seorang pun yang bertegur sapa. Tidak satu pun yang mahu beradu mata. Masing-masing muram merenung lantai.

Dan kesugulan itu dirasakan terus. Detik masa yang lazimnya hidup seakan dijerut leher yang mematkan putaran jarum pada muka waktu. Namun, penyiksaan itu bakal tamat, biarpun sebenarnya ia merupakan satu permulaan yang menuju ke arah titik noktah.

Seorang lelaki yang botak di tengah masuk ke dalam bilik itu dengan membawa sebuah fail kertas yang berwarna coklat. Apabila pintu ditutup semula, lelaki yang botak di tengah itu menghampiri keempat-empat lelaki itu. Matanya melihat keadaan mereka. Satu-persatu ditelitinya dengan telaten; dari alis kening hingga ke hujung jambang, dari hitam kuku tangan hingga ke kematu di tumit kaki.

Sambil berdiri, lelaki yang botak di tengah itu kemudian membuka fail coklat itu. Dilihatnya kepingan gambar paspot berserta kertas-kertas yang dicap 'Sulit'.

"Omar?"

Seorang daripada empat lelaki itu berdiri dan membongkok sedikit sebagai tanda hormat. Namun keempat-empat lelaki itu masih terkunci mulutnya.

"Illyas? Jamiel?"

Dua lagi lelaki bergegas berdiri sambil mengukir senyuman yang melindungi seribu satu macam kegusaran.

"Hayyim?"

Lelaki yang terakhir mengangkat tangan. Dia cuba berdiri tapi jelas sekali dia lemah tidak berdaya. Dia cuba menggapai pada apa saja di sekelilingnya namun tiada apa yang boleh dicapai di dalam bilik itu. Dia terjepok.

“Tak apa. Duduk. Kau semua duduk,” kata lelaki yang botak di tengah itu. “Hayyim, doktor kata kau ada berapa lama lagi?”

“Empat bulan. Paling lambat lima,” jelas Hayyim sambil cuba menahan batuk.

Lelaki yang botak di tengah itu hanya mengangguk-anggukkan kepalanya sahaja. Dilihatnya pula wajah-wajah cemas Ilyas dan Jamiel.

“Berapa kilo kau bawa bila kau kena tangkap?”

“Lapan,” jawab Jamiel sambil halkumnya menggelembung menelan liur cuak.

“Gantung bila?”

Ilyas dan Jamiel saling berpandangan.

“Tuan, masih kena gantung ke? Kami ingat kami tak akan mati,” rayu Ilyas dengan nada sayu.

“Oh, tidak! Kau akan mati. Semuanya. Cuma apa yang berlaku selepas kau semua mati, itu pilihan kau.”

Ilyas menundukkan kepalanya. Jamiel mengurut-ngurut dahinya. Nasi bukan sahaja dah jadi bubur. Dah hangat berkerak kerana ditanak terlalu lama.

“Berapa dalam dompet pelancong tu?”

“Enam dolar,” jawab Omar.

“Enam dolar aja? Itu harga nyawa kau?”

“Saya terdesak, Tuan. Anak saya sakit. Isteri saya lari dengan orang lain.”

“Sebab itu kau rogol dia sekali?”

“Saya tertekan.”

“Sampai terbunuh? Gagah! Pasti susah nak rogol dan nak bunuh budak 10 tahun,” balas lelaki yang botak di tengah itu dengan sinis.

Omar terdiam. Sambil menghela nafas panjang, lelaki yang botak di tengah itu menutup fail coklat yang dirujuknya sedari tadi. Lelaki-lelaki yang sedang duduk di bangku itu direnungnya satu-persatu.

“Baik, sekarang kau semua diberi dua pilihan. Pertama, kalau kau semua setuju, kau kena buat apa yang kami dah rancang, jalankan dengan baik, dan yang paling penting sekali, jangan kena tangkap. Kalau kau setuju, kami akan jaga masa depan keluarga kau. Kami akan beri sumbangan wang. Kehidupan mereka akan terjamin.”

“Apa akan jadi dengan kami?” tanya Hayyim.

“Kau semua akan mati. Tapi jangan khuatir. Kau tak akan rasa apa-apa. Belum sempat pun nak kelip mata, nyawa kau dah terbang melayang entah ke mana. Tak rasa sakit sikit pun.”

Keresahan semakin menyelina di segenap urat saraf kesemua lelaki yang terduduk di bangku panjang itu.

“Tapi perlukah kami mati?” desak Jamiel yang sebak menahan air mata.

“Kalau aku tak panggil kau pun, kau semua ingat kau boleh hidup lama? Kau? Doktor kata lagi empat, lima bulan. Letaklah enam bulan. Sepanjang enam bulan tu, kau akan dapat rasa nikmat di bumi ini? Kau berdua. Lagi tiga minggu patut dihukum gantung. Ada bezakah kalau mati minggu depan? Kau pula. Gambar kau dah tersiar di televisyen, di dada akhbar. Nasib baik kami sempat ambil kau sebelum kau ditangkap polis negara mereka. Kalau kena tangkap? Kau rela direjam batu sampai mati?”

“Apa pilihan kedua?” tanya Omar.

“Tak ada apa-apa. Kau tetap mati. Tapi mati begitu aja. Kau rugi. Orang yang kau sayang semua rugi. Tapi ingat. Apapun, kau semua tetap akan mati.”

Sugul yang sedari tadi berlegar-legar di bilik putih itu kembali menyelubungi penghuninya. Ilyas dan Jamiel masing-masing seperti duduk atas bara. Kusut di benak sudah bersimpul mati. Hayyim pula berbeza. Dia seolah-olah sudah bersedia menyahut dakapan ajal. Mungkin dia sudah bosan menanggung azab yang memamahnya dari dalam. Mungkin juga dia mahu keluarganya hidup senang setelah pemergiannya kelak. Apapun kemungkinannya, Hayyim seperti sudah rela menerima hakikat. Namun lain pula halnya dengan Omar yang tiba-tiba bersuara.

“Kalau begitu aku nak pilihan kedua. Aku bukan dalam lokap. Aku bukan sakit. Kau yang heret aku ke sini. Aku nak pilihan kedua. Aku nak tentukan masa depan aku. Aku ada keluarga. Aku ada kawan. Aku ada tempat yang aku boleh pergi untuk sembunyi. Jadi, aku nak pilihan kedua.”

“Kau dengar sini. Pilihan kedua tu maknanya kau akan mati begitu aja. Kau tak akan diberi makanan yang sedap-sedap sepanjang seminggu. Ditunaikan apa saja permintaan kau selagi kau di sini. Apa saja yang kau nak, kau akan dapat. Apa saja. Kalau kau ambil pilihan kedua, kau terus akan mati begitu saja,” jelas lelaki yang botak di tengah itu.

Omar mengatip giginya. Kepalang mandi biar basah, kepalang retak biar punah.

“Tapi pilihan kedua itu tak memberikan aku peluang. Memang aku akan mati. Tapi aku ada peluang untuk terus hidup! Aku boleh pergi ke sepelusuk benua, merangkak masuk ke ceruk-ceruk dunia dan tinggal diam-diam hingga ke usia senja. Aku ada peluang untuk mengecap semua itu. Aku boleh terus buat apa yang aku hendak,” bentak Omar. “Jadi sekarang, aku nak pilihan kedua! Lepaskan aku!”

Lelaki yang botak di tengah itu merenung tajam tepat ke muka Omar.

“Aku tak ingat aku pernah meninggikan suara dengan kau. Dalam dunia ni, aku ambil berat dengan konsep ‘hormat’. Kalau aku hormat dengan orang tu, aku nak orang tu hormat aku balik,” kata lelaki yang botak di tengah itu sambil menahan rasa marah yang mula menggelodak. “Jadi jangan kurang ajar.”

“Tapi kau buka semua cerita aku! Buka cerita depan mereka! Hormatkah tu?”

“Aku berbohongkah?”

“Tak, tapi..”

“Malu? Kalau malu jangan buat,” kata lelaki yang botak di tengah itu. “Kau dengar sini. Isteri kau dah lari. Anak kau yang satu tu ada jantung berlubang. Kalau..”

“Mana kau tahu semua ni? Aku..”

“Kalau kau menyampuk sekali lagi, aku tak akan hormat kau lagi. Aku tak akan berbual baik-baik macam ni lagi. Faham?”

Omar menyandar ke dinding. Namun, jelas sekali dia tidak puas hati. Lelaki yang botak di tengah itu membetulkan tali lehernya dan menghela nafas panjang sekali lagi.

“Kalau kau bekerjasama, anak kau akan kami hantar ke hospital yang terbaik di rantau ini. Semua kos akan kami tanggung.”

“Aku nak pilihan kedua.”

“Kami akan pastikan dia akan dibesarkan dalam keluarga yang baik.”

“Aku nak pilihan kedua.”

“Kemungkinan besar juga, apabila dia dewasa nanti, peluang kerjayanya juga akan lebih cerah, sebab kau dah berjuang demi kepentingan negara.”

“Aku nak pilihan kedua.”

“Kalau kau ambil pilihan kedua, kau akan mati.”

“Aku nak pilihan kedua.”

“Baik.”

Secepat kilat, lelaki yang botak di tengah itu mengeluarkan sepucuk pistol Barak SP-21 dan mengacukannya ke arah kepala Omar. Belum sempat Omar berbuat apa-apa, satu das tembakan telah dilepaskan. Peluru yang meledak keluar itu merobek masuk lalu menembusi tempurung kepala Omar. Pada bahagian belakang kepala Omar pula, lubang sebesar segenggam tangan jelas kelihatan. Dinding yang tadinya putih menyilau mata kini disimbah percikan darah dan otak. Jamiel menjerit sekuat hati.

“Diam,” kata lelaki yang botak di tengah itu dengan tenang sambil menuding jarinya ke arah Jamiel, tanpa menoleh kepalanya.

Pistol itu cepat disimpan semula. Ilyas memeluk Jamiel yang ketakutan itu sambil menutup mulutnya. Dia tidak mahu Jamiel menyinggung perasaan lelaki yang botak di tengah itu. Lelaki yang botak di tengah itu kemudian menelefon seseorang sambil keluar dari bilik itu.

Hayyim sudah mula berdoa. Berkumat-kamit mulutnya membaca ayat-ayat yang termasuk dalam benak. Matanya dipejam rapat. Perlahan-lahan, dia mula ke depan dan ke belakang apabila dia semakin taasub dengan bacaannya.

Jamiel masih tenggelam dipeluk Ilyas. Ilyas masih menutup mata Jamiel yang sedang cuba bersungguh-sungguh untuk tidak meraung. Ilyas melihat tubuh Omar yang terkulai layu. Darah yang berhamburan ke dinding itu memualkan. Darah pekat yang mengalir lesu ke lantai pula cukup mengerikan.

Ketika itu, tiga orang lelaki berpakaian serba hitam memasuki bilik itu. Ilyas hanya melihat saja mereka membentangkan sehelai plastik besar di sebelah Omar. Sebentar kemudian, Omar sudahpun dibungkus dalam plastik itu. Dengan memegang bahagian kaki Omar, mereka menarik Omar keluar. Kepala Omar terhantuk bucu pintu ketika mayatnya diseret.

Ilyas pelik melihat mereka melakukan kerja itu. Omar dibungkus dengan begitu pantas. Tidak perlu ada perbualan. Tak perlu sebarang perancangan. Sepertinya sudah terbiasa membungkus mayat dan mengheretnya keluar.

Lelaki yang botak di tengah itu pun masuk sambil mengesat-ngesat tangannya.

“Apa? Dia kan yang pilih nak mati?” katanya sambil tersenyum tidak bersalah.

Lelaki yang botak di tengah itu melihat keadaan Jamiel.

“Itulah. Suruh belajar, kau nak jadi *gangster*. Dah tu buat kerja bodoh. 19 tahun dah nak kena gantung. Pandai kan kau ni?”

Jamiel menggigit bibirnya lalu perlahan-lahan membetulkan duduknya.

“Jadi sekarang, siapa nak pilih pilihan nombor dua, sila angkat tangan.”

Jamiel dan Ilyas saling berpandangan. Hayyim menggeleng-gelengkan kepalanya dengan lemah.

“Bagus. Kan senang sikit kerja aku,” kata lelaki yang botak di tengah itu sambil tersenyum.

“Apa yang kita kena buat?” soal Hayyim.

“Itu kau jangan khuatir. Yang penting, kau semua bukan mati sia-sia macam lelaki tadi. Kau sebenarnya akan berbakti kepada negara. Masa depan kita semua akan terjamin dengan apa yang bakal kau bertiga lakukan. Sebenarnya, kau bertiga wira. Wira bangsa, pejuang negara!”

“Wira?” tanya Ilyas.

“Ya! Wira! Bukan calang-calang orang yang berani buat benda ni! Eh, itu semua nanti dulu. Mari ikut aku. Aku tak suka bilik ni. Busuk! Kau bertiga perlu lihat senarai nama penuh setiap anggota keluarga. Pastikan semua betul. Jadi senang kami nak hubungi mereka nanti. Dah, mari keluar,” kata lelaki yang botak di tengah itu.

Sebelum mereka sempat keluar, seorang lelaki yang berpakaian serba hitam masuk dengan membawa dua tong cat putih.

“Lap dulu darah tu.”

“Baik, Tuan.”

Mereka pun beredar keluar dari bilik itu.

Hari-hari yang berikutnya, lelaki yang botak di tengah itu menunaikan setiap apa yang diuar-uarkannya. Ilyas, Jamiel dan Hayyim dijaga dengan rapi. Makan pakai semua diurus. Yang sakit diubat. Yang lenguh diurut. Yang lapar disuap. Yang ngantuk didodoi.

Namun, sebagaimana yang dijanjikan juga, hadir detik untuk lelaki yang botak di tengah itu muncul menagih janji.

“Sekarang, tibalah masanya untuk kau bertiga membuat apa yang telah dijanjikan. Mula-mula, ambil ini.”

Lelaki yang botak di tengah itu membahagi-bahagikan pasport kepada mereka. Mereka seperti tidak percaya.

“Kenapa nama kami ditukar?” tanya Hayyim.

“Sebagaimana yang aku pernah jelaskan, kau bertiga tak perlu nak bertanya apa-apa. Kau hanya perlu lakukan sahaja apa yang telah kami latih. Jangan khuatir. Kami tahu bagaimana hendak menjaga kebajikan seorang wira negara yang terkorban dalam perjuangannya. Pergilah. Pergilah. Semoga diberi semangat yang tekad, tenaga yang kuat. Sahutlah panggilan negaramu! Pergilah berjuang!! Pergilah berjuang, wira-wiraku!”

Ketiga-tiga lelaki itu pun keluar dari bangunan itu. Setibanya di lapangan terbang, mereka saling berjabat tangan buat kali yang terakhir. Dalam perjalanan menuju destinasi dan destinasi masing-masing, beribu persoalan bermain-main di jemala masing-masing.

Apakah benar maut akan menyapa dalam sekelip mata? Apa pasti segalanya berjalan lancar? Apa betul pengorbanan ini demi penakatan ibu pertiwi dalam era yang tidak tentu pasti?

Hayyim telah berjaya mengetepikan segala-galanya. Yang penting isterinya tidak akan menderita. Dia tidak perlu keluar bekerja. Dia hanya perlu mendidik dan membimbing anak-anaknya supaya menjadi individu yang menyumbang kepada pembangunan negara. Menyumbang pada negara. Cuma harapannya, sumbangan mereka tidak mirip sumbangan yang bakal dilakukannya. Hayyim menjenguk ke luar tingkap. Segalanya gelap. Dia dijadualkan tiba keesokan pagi. Khabarnya, negara yang bakal dikunjunginya itu indah pada waktu petang.

Jamiel pula masih gugup. Dia tahu dia akan melakukan apa yang telah diarahkannya, tetapi dia masih gugup. Telapak tangannya selalu basah bermandi peluh. Dahulu sewaktu kecil, ibunya pasti akan mengesat kedua-dua belah telapak tangannya. Sambil itu, ibunya akan menyanyikan sebuah lagu rakyat. Jamiel tenang seketika. Suara lunak ibunya terngiang-ngiang di gegendang telinga.

Keesokannya, Illyas sudahpun berada di pusat membeli-belah itu. Ketika berada di dalam, dia menyelitkan pasport yang diberi lelaki yang botak di tengah itu di celah-celah baju yang berjenama. Kemudian, dia duduk di sebuah bangku, kurang lebih sepuluh meter dari ruang baju-baju berjenama itu, sebagaimana yang diarahkan. Illyas menutup matanya sambil menikmati lagu yang diputarkan untuk para pembeli.

Jamiel pula sedang duduk di kawasan kaunter tiket lapangan terbang itu. Pasport yang diberi kepadanya semalam telahpun diletakkan di lantai kaunter yang bertentangan. Jamiel melihat telapak-telapak tangannya. Kedua-duanya kering. Jamiel hairan. Adakah itu petanda yang perbuatannya itu betul? Atau apakah ibunya telah memulakannya. Jamiel kembali gugup.

Hayyim pula sedang menikmati air kopi pekat di kafe itu. Tidak disangka dia mampu duduk di situ. Melihat pada keadaannya minggu lepas, keadaan sebegitu langsung tidak pernah menghiasi mimpi indahnyanya. Dia menghirup lagi kopi yang masih panas itu. Nikmat.

Tepat jam lima petang. Ketiga-tiga lelaki itu memeluk beg sandang yang dibawa mereka ke sana sini sehari suntuk. Illyas yang mula-mula memicit butang itu. Letupan itu meranapkan sebahagian besar tingkat bawah gedung mewah itu. Kaca melantun ke serata tempat. Malangnya, sekumpulan pelancong wanita baru sahaja mengerumuni kawasan itu. Tidak satu pun yang selamat. Bahkan, tidak satu pun yang boleh dikenal pasti. Bunyi dentuman yang mengikuti letupan itu juga cukup kuat sehingga tingkap-tingkap kaca di blok-blok yang berhampiran juga turut musnah. Dari luar, keadaannya sungguh menyayat hati. Mereka yang cedera cuba mengengsot keluar untuk menyelamatkan diri. Namun, ramai

yang tidak boleh diselamatkan. Ada yang terputus lengan, ada yang terburai perut, dan ada juga yang terkupas kepalanya.

Hayyim melihat kawasan sekeliling. Tatkala dia mahu memicit butang di beg sandangnya, dia ternampak seorang anak kecil yang lalu di situ. Tangan ibunya dipimpin erat. Hayyim melihat anak itu. Hatinya sebak. Persis anaknya jika ingin menemani ibunya ke pasar. Hayyim menunggu sehingga anak itu beredar jauh sedikit dari kafe itu. Hayyim menutup mata lalu memicit butang kecil di dalam beg sandangnya. Sebentar kemudian, dari jauh kelihatan asap berkepul-kepul naik dari sebuah kafe terkemuka di kawasan itu. Laporan juga menunjukkan seorang anak kecil dan ibunya telah terkorban apabila sebuah tiang iklan jatuh lalu menghempap mereka berdua akibat daripada letupan itu.

Jamiel masih gugup. Butir-butir keringat sejuk membasahi muka, tengkuk, dan seluruh tubuh badannya. Kesemuanya berpeluh kecuali kedua-dua telapak tangannya. Jamiel semakin gopoh. Dia membuka zip beg sandangnya. Bahan letupan yang ada di dalamnya terjatuh ke lantai. Jamiel cemas. Dia melihat kawasan sekeliling. Ada beberapa orang yang telah perasan akan bahan letupan yang tergolek itu.

Ada yang mula menjerit. Jamiel mengangkat bahan letupan itu lalu menggendongnya. Anggota polis sudahpun mengelilinginya.

“Angkat tangan!”

Jamiel melihat telapak tangannya sekali lagi. Masih kering.

“Maafkan saya, ibu,” bisik hati kecilnya.

Ketika itu satu das tembakan dilepaskan ke arah kepala Jamiel. Sayangnya, ketika itu juga ibu jarinya menekan keras butang yang menonjol itu. Laporan mengatakan bahawa lubang akibat letupan itu dianggarkan sedalam empat meter. Namun, hanya Jamiel dan dua orang anggota polis sahaja yang terkorban. 13 yang lain cedera.

Pengeboman yang dahsyat di ketiga-tiga negara itu mengejutkan setiap warga dunia. Dewan yang acap kali tenang itu kini riuh. Keriuhananya menjadi-jadi. Semuanya ingin bersuara. Kesemuanya ingin bersorak. Semuanya marah. Semua membentak. Ada yang menumbuk-numbuk udara. Ada yang

melaung sambil meraung. Ada pula yang menghentak-hentakkan meja. Semuanya ingin keadilan. Semuanya ingin tindakan susulan.

Tatkala reda seketika, negara yang berkuasa jelas ingin didengar suaranya.

“Hari ini, kedamaian kami dijarah. Hari ini, setiap wakil dewan yang terhormat ini akan mengetepikan bendera, bangsa dan agama. Hari ini, kami bersatu menentang keganasan! Tiga pasport yang ditemui di ketiga-tiga tempat kejadian membuktikan pengeboman ini adalah hasil daripada satu rancangan yang hanya bertujuan ingin membunuh mereka yang tidak berdosa! Ayuh! Bersama kita hapuskan keganasan!”

Semua orang bersorak!
Semua bertepuk tangan!
Semua meja dihentak!
Gempar satu dewan!

Negara yang tidak kurang hebatnya juga ingin bersuara.

“Kami ingin membuat kenyataan rasmi, yang kami tidak akan berhenti mencari mereka yang bertanggungjawab, biarpun mereka menyelip masuk ke lubang cacing sekalipun!”

Tinggi suara anggota dewan!
Menyemarak untaian kata!
Pantang berundur tika berlawan!
Hiduplah wakil rakyat jelata!

Negara kecil yang kurang kuasanya juga ingin bersuara.

“Kami juga akan kerahkan masa dan tenaga, kepakaran serta kemampuan yang ada, untuk mencari petualang yang merancang perbuatan terkutuk ini. Pasport-pasport ketiga-tiga pengebom nekad itu telah dikenal pasti! Ayuh bersama kita tumpaskan organisasi ganas mereka! Bersama kita hapuskan keganasan!”

Demikian si empunya kata!
Andai berkata perlu dikota!
Agar terus kekal bertakhta!
Agar terjaga maruah muka!

Di sebuah pejabat yang berhawa dingin, jauh dari arena politik dan kemelutnya, lelaki yang botak di tengah sedang duduk di sebuah kerusi empuk. Gelas yang berisi tuak dihirup sedikit-sedikit. Setelah puas, gelas kecil itu diletakkan di sebelah sebuah buku berjudul 'The Art of War'. Sebentar kemudian, telefon bimbitnya berdering.

"Kau bersendirian?"

"Ya, kenapa?"

"Cuba tonton CNN."

Lelaki yang botak di tengah itu menonton saluran berita yang unggul itu. Kelihatan ramai pemuda yang ditahan dan dibawa pergi. Kelihatan pula anak-anak kecil sedang melontar batu ke arah anggota tentera yang berperisai, lengkap dengan *kevlar*. Juga, terdapat adegan-adegan rumah-rumah kecil yang diratakan oleh jentolak-jentolak gergasi. Ibu-ibu merayu-meratap di tepi.

"Aku dah tengok ni. Jadi?"

"Saja nak ucapkan syabas. Kerjasama dua negara terbukti berjaya. Sayang tak dapat empat lokasi."

"Lokasi yang keempat tu bermasalah sikit. Masa tak mengizinkan untuk cari pengganti. Kalau tidak, kita tinggal nak ulang tayang aja kejadian bom tu. Satu dunia akan menyembah kaki kita."

Kedua-duanya ketawa besar.

"Betul! Jadi sekarang apa rancangan seterusnya?"

"Aku harap kau tak lupa nombor akaun bank aku."

Perbualan itu tamat di situ saja. Lelaki yang botak di tengah itu pun bangun dari kerusi empuknya di dalam biliknya yang berhawa dingin untuk menambah lagi tuak di gelasnya.